

# MAJLIS PEMBENTANGAN PERLEMBAGAAN BAKAT UDARA



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2931-majlis-pembentangan-perlembagaan-bakat-udara](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2931-majlis-pembentangan-perlembagaan-bakat-udara)

KUCHING, 19 Jan 18 – Pertubuhan Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) telah mengadakan Majlis Pembentangan Perlembagaan BAKAT Udara yang telah dihadiri seramai 103 ahli BAKAT Pangkalan Udara Kuching. Pembentangan tersebut dipengerusikan dan dibentangkan oleh Puan Pengerusi BAKAT Pangkalan Udara Kuching, Anne Hew Fui En.

Pembentangan perlembagaan ini bertujuan untuk memastikan setiap ahli BAKAT memahami peranan mereka dalam bersama-sama berganding bahu dalam merealisasikan objektif utama penubuhan iaitu memainkan setiap peranan sebagai nadi penggerak disamping memberi perangsang terhadap perjuangan para suami. Selain itu, pembentangan ini juga bertujuan untuk menyalurkan maklumat, sumber pengetahuan, pendidikan serta pembelajaran kepada ahli-ahlinya.

